



GARIS PANDUAN

GERAN SOKONGAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA (GSPSB)

2021

**PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
& TEMPOH PEMULIHAN COVID-19**

**LEMBAGA PENGKALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(LPPM)**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1. FUNGSI LPPM	3 - 4
2. LATAR BELAKANG	5
3. TUJUAN / OBJEKTIF	5
4. PASARAN SASARAN	6
5. SILING PERUNTUKAN	6
6. SKOP PERMOHONAN	6
7. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN:	7 – 12
i. Kategori Pemohon	
ii. Kelayakan Pemohon	
iii. Elemen Penganjuran	
iv. Kertas Cadangan	
v. Perjanjian Bertulis	
vi. Tempoh Penerimaan Permohonan	
vii. Permohonan yang Tidak Dipertimbangkan	
8. TANGGUNGJAWAB PEMOHON:	13
i. Semasa Program/Acara Berlangsung	
ii. Selepas Program/Acara Berlangsung	
9. SYARAT TAMBAHAN	14
10. NOTIS PENTING NORMA BAHARU	15
11. TUNTUTAN, DOKUMEN & PEMBAYARAN	16
12. SENARAI SEMAK PERMOHONAN & TUNTUTAN	17

1. FUNGSI LPPM (AKTA 481)

1. Seksyen 4(1)(a), (b) dan (c) Bahagian II, Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481),

"4. (1) Fungsi-fungsi Lembaga ialah:

- a) *Menggiatkan dan menggalakkan pelancongan ke dan dalam Malaysia;*
- b) *Merangsangkan, memajukan dan memasarkan, di arena antarabangsa dan tempatan, negara Malaysia sebagai tempat tujuan pelancong;*
- c) *Menyelaraskan apa-apa aktiviti pemasaran atau penggalakan berhubung dengan pelancongan yang dijalankan oleh mana-mana jabatan kerajaan, atau agensi atau organisasi kerajaan atau bukan kerajaan."*

2. Seksyen 4(2)(b) dan (d) Bahagian II, Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481),

"4. (2) *Lembaga adalah berkuasa melakukan segala perkara yang suai manfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsi-fungsinya, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan yang tersebut di atas;*

- (b) *Bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen, atau bertindak dengan apa-apa cara lain bersama dengan atau bagi pihak mana-mana agensi atau organisasi, sama ada antarabangsa atau selainnya;*
- (d) *Mengalakkan dan menyelaraskan perjalanan apa-apa aktiviti yang berkaitan atau berhubungan dengan fungsi-fungsinya oleh mana-mana jabatan kerajaan, atau agensi atau organisasi kerajaan atau bukan kerajaan."*

2. **LATAR BELAKANG**

- 2.1 **Geran Sokongan Pelancongan Seni & Budaya (GSPSB)** bertujuan untuk memberi fokus ke atas **penganjuran program/acara pelancongan, seni & budaya** oleh pihak swasta dan pemain serta penggiat industri.
- 2.2 GSPSB adalah peruntukan *one-off* tahun semasa yang diselia oleh Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya (MOTAC).
- 2.3 Sejumlah RM24 juta akan digunakan untuk penganjuran program/acara oleh pihak swasta dan penggiat industri di bawah GSPSB sepanjang tahun semasa (2020/2021).

3. **TUJUAN / OBJEKTIF**

- 3.1 **Menyemarakkan dan mengaktifkan** semula sektor **pelancongan, seni dan budaya** seperti yang dirangka dalam pelan pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai langkah pemulihan sektor ini yang terjejas teruk susulan penularan wabak pandemik koronavirus (Covid-19).
- 3.2 **Memastikan industri pelancongan, seni dan budaya terus berdaya saing dengan memberi sokongan dan bantuan (insentif)** kepada pihak swasta, pemain serta penggiat industri untuk mempromosi dan meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan selamat untuk dikunjungi.

4. **PASARAN SASARAN**

- i. Domestik
- ii. Antarabangsa

5. **SILING PERUNTUKAN**

- 5.1 **Peruntukan Penganjuran Program/Acara Pelancongan, Seni dan Budaya yang akan dipertimbangkan untuk kelulusan** adalah dengan nilai **MINIMUM** sebanyak **RM20,000** (RINGGIT MALAYSIA DUA PULUH RIBU SAHAJA). Manakala siling **MAKSIMUM** adalah **sehingga RM500,000.00** (RINGGIT MALAYSIA LIMA RATUS RIBU SAHAJA).
- 5.2 Nilai minimum dan maksimum di atas adalah untuk **SATU (1) PENGANJURAN PROGRAM / ACARA SAHAJA, SEPANJANG TAHUN SEMASA.**

6. **SKOP PERMOHONAN**

Skop Penganjuran Program/Acara Pelancongan, Seni dan Budaya adalah seperti berikut:

- i. Dianjurkan di Malaysia;
- ii. Mempunyai elemen tarikan penyertaan dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Sabah & Sarawak;
- iii. Menjana pergerakan pelancongan Domestik dan juga Antarabangsa apabila pintu sempadan dibuka; dan
- iv. Merangsang dan memberikan faedah kepada industri pelancongan secara keseluruhan.

7. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

7.1 KATEGORI PEMOHON

Pemohon adalah terdiri daripada: -

- i. Syarikat dan Organisasi Swasta tempatan
- ii. Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri;
- iii. Anak Syarikat di bawah Negeri; dan
- iv. Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan.

7.2 KELAYAKAN PEMOHON

7.2.1 Pemohon perlu mempunyai pendaftaran yang sah dan hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen bukti pendaftaran/pengesahan seperti berikut:

i. Syarikat dan Organisasi Swasta

Dokumen mengenai maklumat pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti:

- *Corporate Information;*
- *Summary of Share Capital;*
- *Directors / Officers;*
- *Shareholder / Members;*
- *Company Charges; dan*
- *Summary of Financial Information*
- Laporan Penyata Kewangan Terkini ATAU
'*Management Account*' bagi yang beroperasi enam (6) bulan.

ii. **Persatuan bukan Kerajaan (NGO) Tempatan**

- Borang 3, Akta Pertubuhan 1966; dan
- Borang Pendaftaran Badan Sukan / yang berkaitan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 (untuk Persatuan berkaitan sukan).

7.3 **ELEMEN PENGANJURAN**

7.3.1 Program / Acara Pelancongan, Seni & Budaya yang dicadangkan **PERLU** mengambil kira elemen-elemen seperti berikut:

- i. Promosi / Publisiti / Pengiklanan di Media Massa termasuk medium Cetak, Elektronik, platform Digital serta saluran Media Sosial;
- ii. Penerbitan / Cetakan bahan-bahan sokongan promosi seperti - *banner, bunting*, buku cenderahati, baju, topi dan sebagainya;
- iii. Pembangunan pengisian berteraskan teknologi; sebagai contoh – *AR, VR & QR Code* serta lain-lain aspek teknologi yang dapat meningkatkan keunikan dan kelainan dalam program/acara yang dicadangkan;
- iv. Persembahan Seni dan Kebudayaan dan lain-lain yang boleh mempromosikan seni & budaya bersesuaian dengan penganjuran program/acara pelancongan tersebut; dan

- v. Mempromosi lokasi program / acara tersebut sebagai destinasi / tarikan pelancongan domestik.

7.4 **KERTAS CADANGAN**

7.4.1 Setiap permohonan perlu dihantar kepada Urusetia menggunakan surat rasmi syarikat / organisasi / Persatuan Bukan Kerajaan (NGO) yang diwakili beserta butiran maklumat mengikut format berikut:

- i. Tajuk Program / Acara;
- ii. Latar Belakang Program / Acara;
- iii. Objektif Program / Acara;
- iv. Komponen acara seperti:
 - Cadangan tarikh;
 - Cadangan tempat;
 - Kumpulan sasar; dan
 - Bilangan peserta (pecahan mengikut negeri)
- v. Kaedah Pelaksanaan Program / Acara;
- vi. Tentatif aturcara Program / Acara;
- vii. Perincian perbelanjaan;
- viii. Kaedah Promosi / Publisiti / Pengiklanan yang dicadangkan (saluran media yang digunakan);
- ix. Pulangan Pelaburan (ROI) – jelas dan terperinci; dan
- x. Senarai terimaan bantuan dari pihak lain (jika ada)

7.4.2 Kertas cadangan perlu dikemukakan dalam Bahasa Melayu **ATAU** Bahasa Inggeris;

7.4.3 Bagi kertas cadangan yang lengkap, penganjur akan dihubungi untuk tujuan pembentangan kepada Panel Penilai Awal.

7.5 **PERJANJIAN BERTULIS**

7.5.1 Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PK4.2); bagi penganjuran program / acara yang bernilai RM20,000 sehingga RM500,000.00, Tourism Malaysia akan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada penganjur.

7.6 **TEMPOH PENERIMAAN PERMOHONAN**

7.6.1 Tarikh akhir penerimaan permohonan beserta kertas cadangan dan dokumen lengkap serta tempoh pemprosesan adalah seperti berikut:

Nilai yang Dipertimbangkan Untuk Kelulusan	Tarikh Akhir Terimaan Permohonan Sebelum Penganjuran Program / Acara & Tempoh Pemprosesan
Nilai Minimum RM20,000.00 Siling Maksimum RM500,000.00	60 hari

7.6.2 Urusetia dan Jawatankuasa berhak membuat ketentuan bagi mempertimbangkan atau tidak mempertimbangkan bagi mana-mana permohonan yang dihantar pada tempoh yang tidak memenuhi syarat tempoh terimaan permohonan.

7.6.3 GSPSB adalah ditetapkan pada **kadar maksimum iaitu 50% daripada jumlah perbelanjaan sebenar ATAU mengikut siling maksimum RM500,000.00.**

***Nota:** Sekiranya penganjur memohon peruntukan dengan nilai maksimum RM500,000.00 dan diluluskan dengan kadar **maksimum 50% (50-50)**, maka penganjur perlu membuktikan bil, bil pihak ketiga dan resit perbelanjaan kos penganjuran bernilai RM1 juta bagi membolehkan pembayaran dibuat seperti yang dimohon.

7.6.4 Jawatankuasa berhak menentukan/meluluskan kadar GSPSB mengikut penilaian sewajarnya dengan 50% adalah kadar maksimum.

7.7 **PERMOHONAN YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN**

- i. Agensi & Jabatan Kerajaan / Kerajaan Negeri **TIDAK LAYAK MEMOHON**;
- ii. Tidak berdaftar dengan mana-mana Pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana badan Kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang negara;
- iii. Permohonan dari pertubuhan politik;
- iv. Individu / Orang perseorangan;
- v. Pemohon yang telah dibatalkan pendaftarannya atau disenarai-hitam oleh MOTAC / LPPM;
- vi. Permohonan yang tidak memenuhi syarat dan tempoh penerimaan permohonan yang telah ditentukan oleh LPPM;
- vii. Permohonan yang telah menerima peruntukan / bantuan kewangan daripada MOTAC atau Agensi-agensi di bawah MOTAC; dan
- viii. Permohonan bagi penganjuran program / acara pelancongan, seni dan budaya yang **SEDANG BERLANGSUNG** atau **TELAH TAMAT, TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

8. **TANGGUNGJAWAB PEMOHON**

8.1 **Semasa Program / Acara Berlangsung**

8.1.1 **Pemohon hendaklah** memastikan pelaksanaan dan penganjuran program / acara mengikut syarat-syarat dan terma yang telah dipersetujui bersama;

8.1.2 **Pemohon hendaklah** sentiasa membudayakan norma baharu dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan sebagai memperkasa usaha memerangi penularan wabak Covid-19; dan

8.1.3 **Pemohon hendaklah** memastikan tidak berlaku penyalahgunaan dalam apa jua bentuk selain dari tujuan asal permohonan.

8.2 **Selepas Program / Acara Berlangsung**

8.2.1 **Pemohon hendaklah** mengemukakan laporan komprehensif bergambar selepas program / acara selesai;

8.2.2 **Pemohon hendaklah** memastikan kualiti penganjuran program / acara diambil kira sebagai ROI; dan

8.2.3 **Pemohon hendaklah** melaporkan indeks, *ratio* dan *survey* program / acara (sekiranya perlu).

9. **SYARAT TAMBAHAN**

9.1 Bagi memastikan permohonan yang dikemukakan mendapat **merit**, penganjur **PERLU** memberi perhatian kepada **syarat-syarat tambahan** berikut:

- i. **Pihak penganjur PERLU menyatakan Pulangan Pelaburan (ROI) secara jelas dan terperinci dalam Kertas Cadangan untuk membuktikan ada berlaku pergerakan pelancongan domestik** sempena penganjuran program / acara; **sebagai contoh** - bukti tempahan bilik penginapan dan lain-lain.
- ii. **Pihak penganjur DIGALAKKAN untuk bekerjasama dengan agen pelancongan untuk membangunkan pakej khusus untuk menyertai program / acara yang akan dianjurkan – ini akan memudahkan penganjur untuk mengemukakan ROI dan membuktikan ada berlaku pergerakan pelancongan domestik;**
- iii. **Penganjur DIGALAKKAN untuk mempromosikan lokasi program / acara sebagai destinasi tarikan pelancongan domestik;** sebagai contoh – **menggunakan lokasi baru / kurang popular** sebagai tempat penganjuran program / acara; dan
- iv. **Penganjur DIGALAKKAN untuk mempromosikan persembahan seni & kebudayaan semasa program / acara berlangsung** mengikut kesesuaian.

10. **NOTIS PENTING NORMA BAHARU**

- i. Pertimbangan permohonan adalah tertakluk kepada pematuhan **SOP PKP Pemulihan (PKPP)** yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** / **Majlis Keselamatan Negara (MKN)** yang dikemaskini dari semasa ke semasa;
- ii. **Sekiranya penganjur bercadang mengadakan program / acara di kawasan yang terbuka dan luas (*open space area*), maka penganjur perlu mendapatkan kebenaran MKN** bagi menentukan berapa jumlah maksimum peserta yang boleh berada di kawasan tersebut semasa program / acara berlangsung; dan
- iii. Bagi permohonan yang telah diluluskan dan dimuktamadkan, tetapi **penganjuran program atau acara terpaksa dibatalkan atau ditangguhkan, kerana arahan KKM/MKN berikutan penularan semula / peningkatan kes Covid-19** dalam negara, **penganjur dibenarkan menuntut sebahagian daripada perbelanjaan yang telah dilakukan dengan tidak melebihi 50% daripada kos keseluruhan**, dengan syarat semua dokumen berkaitan (seperti dalam senarai semak tuntutan) dikemukakan berserta arahan KKM/MKN yang diperolehi.

11. TUNTUTAN, DOKUMEN & PEMBAYARAN

- i. **Pemohon perlu mengemukakan dokumen berikut untuk tujuan tuntutan pembayaran;**
 - a. Inbois-inbois berkaitan – Bil, Bil Pihak Ketiga & Resit
 - b. *Certificate of Work Completion (CWC)*
 - c. Surat Setuju Terima (SST) / Surat Tawaran yang ditandatangani;
 - d. Laporan Komprehensif Bergambar; dan
 - e. Perincian perbelanjaan beserta dokumen sokongan sebagai bukti penganjuran program / acara telah dilaksanakan dengan jayanya

SENARAI SEMAK PERMOHONAN

BIL.	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	SURAT PERMOHONAN BESERTA KERTAS CADANGAN LENGKAP MENGIKUT FORMAT YANG DITETAPKAN DIHANTAR DALAM TEMPOH YANG TELAH DITETAPKAN		
2.	MAKLUMAT & DOKUMEN PENGESAHAN SYARIKAT / ORGANISASI / NGO		

SENARAI SEMAK TUNTUTAN

BIL.	TINDAKAN	TANDA (/)	CATATAN
1.	INBOIS – INBOIS BERKAITAN (BIL, BIL PIHAK KETIGA & RESIT PEMBAYARAN)		
2.	<i>CERTIFICATE OF WORK COMPLETION (CWC)</i>		
3.	SURAT SETUJU TERIMA (SST) / SURAT TAWARAN YANG DITANDATANGANI		
4.	LAPORAN KOMPREHENSIF BERGAMBAR		
5.	PERINCIAN PERBELANJAAN & DOKUMEN SOKONGAN - BUKTI PENGANJURAN PROGRAM / ACARA TELAH DILAKSANAKAN DENGAN JAYANYA		

**PERMOHONAN LENGKAP HENDAKLAH DIKEMUKAKAN
KEPADA:**

URUSETIA

**GERAN SOKONGAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA (GSPSB)
LEMBAGA PENGKALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(TOURISM MALAYSIA)**

**BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK,
ARAS 2, NO.2, MENARA 1,
JALAN P5/6, PRESINT 5,
62200 PUTRAJAYA**

DAN

E-MEL KEPADA:

gspsb@tourism.gov.my

TALIAN UNTUK DIHUBUNGI:

03-8891 8191 / 8192 / 8196 / 8232

FAQ

GERAN SOKONGAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA (GSPSB) 2021

1. Is RM500,000.00 is the amount grant for each of Organization / Company / Private Sector to organize program/event?

- A maximum ceiling of RM500,000 is imposed on each grant recipient to ensure equitable distribution of the fund.

2. What are the scopes that are eligible for GSPSB fund?

- Program/event that are eligible for the reimbursement must be organized in Malaysia as well as enhancing promotion and marketing efforts geared towards increasing domestic and international tourist arrivals to Malaysia.

3. Is the reimbursable amount fixed at 50%?

- GSPSB works based on reimbursable financial assistance whereby eligible companies, organisations and private sectors may claim 50% of the actual cost of the program/event or the maximum amount allowed (RM500,000.00). Claims to be supported by proof of payment.

4. Government's Prescribed Standard Operating Procedure (SOP) for Program/Events (Outdoor & Indoor – New Normal)

- Organization / Company / Private Sector must follow relevant SOPs that were approved by the Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) and Majlis Keselamatan Negara (MKN), SOPs under the relevant Ministry or Agency and other rules and regulations according to local authorities.

5. In any circumstances should the approved program/event to be cancelled as directed by KKM / MKN, is there any possibility organizer / company / private sector to claim on some amount of the expenses?

- Yes, organizer / company / private sector may claim 50% of the cost spent for the program/event but must be supported by relevant / proof documents as stated in the checklist.



GERAN SOKONGAN PELANCONGAN, SENI & BUDAYA (GSPSB) 2021

*No Rujukan Urusetia	TOURISM.400-4/4/7 []
*Tarikh Terimaan Permohonan	

*Untuk diisi oleh Urusetia

A. MAKLUMAT PEMOHON

Nama Syarikat / :
Organisasi / NGO

Alamat :

No. Pendaftaran :
Syarikat & Tarikh
Pendaftaran

Nama Pemohon :

No. Telefon :

Emel :

B. MAKLUMAT PERMOHONAN

Nama Program / :
Acara

Tarikh :
Penganjuran

Lokasi :
Penganjuran

Kos Penganjuran :

Jumlah :
Permohonan

Ringkasan :
Program / Acara

ROI / Faedah :

*Kertas Cadangan Lengkap dan Profil Syarikat termasuk Dokumen pendaftaran sah seperti yang disenaraikan di dalam Garis Panduan perlu disertakan bersama